

SULIT

1103/1

1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
2017
2 ¼ Jam

PENILAIAN PERCUBAAN SPM

NEGERI PAHANG

2017

TINGKATAN 5

SKEMA

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Skema jawapan ini mengandungi **7** halaman bercetak

SKEMA BAHAGIAN A

Tugasan : **Usaha-usaha memupuk jati diri remaja**

Idea 1 : Menghargai tokoh-tokoh pejuang tanah air

- Mengenang jasa pejuang kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman melalui pameran
- Tidak melupakan jasa pejuang kemerdekaan yang terkorban dengan mengunjungi kediaman mereka
- Menjadikan kisah perjuangan menuntut kemerdekaan sebagai inspirasi melalui tayangan multimedia, esei dan ceramah patriotik

Idea 2 : Kempen oleh pihak kerajaan.

- Kerajaan melalui kementerian tertentu mengadakan Sambutan Bulan Kemerdekaan
- Kempen dilaksanakan melalui sinergi pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO)

Idea 3 : Menghayati mata pelajaran Sejarah

- Peranan guru untuk menarik minat murid mempelajari sekali gus menghayati sejarah negara
- Wajib lulus Sejarah peringkat SPM membantu aspek penghayatan sejarah pembentukan negara Malaysia

Ungkapan menarik:

- *Orang yang mengingati sejarah pasti tidak mengulanginya*
- *Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih*
- *Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama*
- *Jangan jadi seperti lalang, makin lama makin tinggi, akarnya mencengkam bumi, meliuk-liuk menyakitkan hati*

SKEMA BAHAGIAN B

Soalan 1

Tugasan : Tuliskan ceramah bertajuk ***Rahsia Menjadi Usahawan Desa yang Berjaya.***

- i. Tersurat
 - Ceramah berkait rahsia/petua / cara untuk menjadi usahawan desa yang berjaya
- ii. Tersirat
 - Konsep usahawan desa

Format: Ceramah

- Kata aluan-aluan - 1 markah
 - Kata halaan/sapaan - 1 markah
 - Penutup - 1 markah
- (sekitan, terima kasih)* **[maksimum 2 markah ditolak]**

Cadangan idea:

Idea 1 : **Sikap usahawan itu sendiri**

- Sanggup berkorban masa
- Berusaha tanpa mengenal erti penat
- Selalu berfikiran positif

Idea 2 : **Mempunyai kemahiran tertentu seperti kemahiran pemasaran dan TMK**

- Kemahiran berkomunikasi
- Menguasai kemahiran komputer

Idea 3 : **Menggunakan teknologi terkini yang mampu menghasilkan pengeluaran dalam skala besar**

- Penggunaan jentera moden dan mesin terbaharu memproses makanan
- Memberi impak dalam pengeluaran hasil

Idea 4 : **Mengutamakan kualiti / mutu pengeluaran**

- Usahawan perlu mengutamakan kepuasan pelanggan
- Barangan berkualiti menyebabkan pembeli melanggan/membeli kembali produk

Idea 5 : **Mendapatkan khidmat pakar berkaitan produk yang dikeluarkan**

- Khidmat dan kepakaran pihak lain yang berkaitan diperlukan dalam menghasilkan sesuatu produk
- Khidmat kawalan serangga umpamanya diperlukan oleh pengusaha makanan dan pertanian untuk memastikan produk tidak tercemar oleh najis/ air liur serangga perosak atau binatang perosak.

Idea 6 : **Mempunyai pegangan agama yang teguh**

- Peniaga yang bijak tidak mengabaikan suruhan Tuhan
- Menjaga hubungannya dengan Pencipta

Ungkapan menarik:

- Usaha tangga kejayaan
- Kalau tidak dipecahkan ruyung , manakan dapat sagunya
- Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

Soalan 2

Tugasan : Jelaskan ciri-ciri keluarga bahagia idaman anda

- i. Tersurat
 - Ciri-ciri keluarga bahagia
- ii. Tersirat
 - Keluarga
 - Ibu
 - Bapa
 - Adik beradik
 - Datuk dan nenek

Format : **Tidak berformat**

Cadangan idea:

Idea 1 : Keluarga yang penyayang

- Tidak bergaduh dan bertengkar dalam rumah tangga
- Sentiasa bercakap dengan lembut dan sopan sebagai unsur kasih kepada ibu bapa atau anak

Idea 2 : Keluarga yang bertolak ansur

- Memahami setiap masalah yang dihadapi oleh anggota keluarga
- Tidak ada unsur paksaan sama ada daripada ibu bapa kepada anak atau sebaliknya

Idea 3 : Keluarga yang menyantuni antara satu sama lain

- Meraikan hari-hari penting dalam keluarga secara bersama-sama
- Sambutan hari jadi ahli keluarga, mengadakan hari keluarga, berkelah dan melancong sebagai tanda menghargai setiap ahli keluarga

Idea 4 : Keluarga yang menghabiskan masa berkualiti dengan anak-anak

- Melancong dan berkelah
- Menggunakan masa berkualiti untuk menyelami perasaan ahli keluarga yang lain

Idea 5 : Datuk dan nenek yang selalu memberi nasihat kepada remaja/ anak cucu

- Orang yang lebih dahulu *makan garam* berkongsi pengalaman untuk dijadikan teladan oleh anak cucu
- Pengalaman mereka membantu generasi muda mengharungi hidup yang penuh cabaran

Idea 6 : Adik beradik yang sering menyokong/ bahu membahu

- Sentiasa memberikan kata-kata perangsang
- Kejayaan dan kekecewaan disulami kata-kata motivasi oleh abang dan kakak yang pernah mengalami pengalaman yang sama

Ungkapan menarik :

- Keluarga Penyayang
- Rumahku Syurgaku
- Yang tua dihormati, yang muda dikasihi
- Kasih ibu membawa ke syurga

Soalan 3

Tugasan : Menjelaskan manfaat-manfaat pengguna bijak

- i. Tersurat
 - manfaat-manfaat pengguna bijak
- ii. Tersirat
 - Konsep pengguna bijak
 - Konsep keluarga / isi rumah sebagai pengguna

Format : **Tidak berformat**

Cadangan idea:

Idea 1 : **Menjimatkan kos perbelanjaan / berbelanja secara berhemat**

- Pengguna bijak merancang perbelanjaan
- Membuat senarai pembelian sebelum membeli
- Sentiasa membandingkan harga untuk mendapatkan harga termurah dan berkualiti

Idea 2 : **Mendapat barangan yang lebih berkualiti**

- Alah membeli menang memakai menjadi pegangan pengguna bijak
- Barang berkualiti tahan lama walaupun harganya mahal

Idea : **Tidak terpedaya dengan iklan jualan murah**

- Sentiasa berhati-hati dengan jualan murah
- Penjual yang tidak bertanggungjawab mengumpan pembeli yang mudah rambang mata

Idea 4 : **Mendahulukan pembelian barang keperluan bukan barangan kehendak**

- Barang makanan menjadi keperluan
- Barangan mewah hanya untuk menunjuk-nunjuk kemampuan seseorang

Idea 5 : **Ekonomi keluarga menjadi stabil**

- Pengguna bijak memiliki tabungan
- Perbelanjaan sentiasa terkawal dan tidak berlebih-lebihan

Ungkapan menarik:

- Pengguna Bijak Faedahnya Banyak
- Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
- Berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak

Soalan 4

Tugasan : Menjelaskan kepentingan bersukan kepada masyarakat global.

- i. Tersurat
 - Jelaskan kepentingan bersukan kepada masyarakat global
- ii. Tersirat
 - Masyarakat global

Format : **Tidak berformat**

Cadangan idea:

Idea 1 : Sukan sebagai alat perpaduan

- Berlaku interaksi antara atlet yang bertanding
- Persefahaman rentas sempadan/ negara berlaku

Idea 2 : Wujudnya hubungan yang lebih baik dari segi politik, ekonomi dan sosial

- Hubungan diplomatik antara negara yang terlibat dalam bidang sukan dapat dibentuk
- Kerjasama erat dapat dijalin bukan hanya dalam bidang sukan sahaja tetapi meliputi bidang lain

Idea 3 : Meningkatkan kesihatan masyarakat secara keseluruhan

- Sukan menjadi budaya masyarakat
- Hari Sukan Negara dijalankan serentak di seluruh negara untuk membentuk gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia

Idea 4 : Mengenali budaya masyarakat lain

- Sukan mempromosi budaya hidup masyarakat dalam sesebuah negara
- Budaya masyarakat yang unik dapat dipromosi sebagai tarikan pelancong

Idea 5 : Sukan merupakan punca pendapatan kepada negara penganjur

- Stesen televisyen membayar untuk mendapatkan hak penyiaran penganjuran sukan
- Negara penganjur akan menjual hak penyiaran kepada stesen televisyen

Idea 6 : Meningkatkan imej negara terlibat

- Negara yang menjadi jaguh dalam sesuatu bidang sukan dipandang tinggi walaupun tidak terkenal sebagai kuasa ekonomi
- Bola sepak sinonim dengan negara Brazil

Ungkapan menarik:

- Badan sihat otak cerdas
- Jauh berjalan luas pengalaman
- Majulah Sukan untuk Negara
- Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

Soalan 5

Tugasan : Menghuraikan kepentingan ilmu kepada remaja

- i. Tersurat
 - Kepentingan ilmu kepada remaja
- ii. Tersirat
 - Fokus kepada remaja

Format : **Tidak berformat**

Cadangan idea:

Idea 1 : **Mendalami ilmu ke peringkat yang lebih tinggi**

- Universiti awam dan swasta menawarkan pelbagai bidang pengajian
- Remaja boleh melanjutkan pengajian diploma, ijazah pertama, sarjana mahupun ijazah kedoktoran

Idea 2 : **Menyambung pelajaran / pendidikan**

- Remaja lepasan SPM
- Melanjutkan pelajaran mengikut bidang yang diminati

Idea 3 : **Tidak mudah terpedaya dengan tipu daya / diayah**

- Ilmu mampu membantu remaja daripada diperdaya
- Tipu daya secara langsung mahupun melalui laman sesawang

Idea 4 : **Mendapat peluang pekerjaan yang baik**

- Remaja berilmu pengetahuan memperoleh pekerjaan yang baik
- Mempunyai daya saing yang tinggi dan dicari oleh majikan yang memerlukan pekerja berkepakaran

Idea 5 : **Dapat mewujudkan hubungan dengan remaja lain santero dunia**

- Remaja berilmu punya kemahiran komunikasi verbal dan non verbal yang baik
- Mereka punya rangkaian sosial yang luas

Ungkapan menarik :

- Bangsa Membaca Bangsa Berjaya
- Ilmu pelita hidup
- Ilmu bekalan hidup

-SKEMA TAMAT-

SULIT

1103/1

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
2017

PENILAIAN PERCUBAAN SPM

NEGERI PAHANG
2017

TINGKATAN 5

SKEMA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Markah penuh Kertas 2 ialah 110

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a) Isi - **20** markah

(b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada **120 patah perkataan**, berikan 0 markah.

Bahagian	Markah										Markah
(i)Pendahuluan											2
(ii)Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii)Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Markah penuh Kertas 2 ialah 110

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- a. Isi - 20 markah
- b. Bahasa - 10 markah

Nota :

(vi) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(vii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(viii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(ix) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(x) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada **120 patah perkataan**, berikan 0 markah.

Bahagian	Markah										Markah
(i)Pendahuluan											2
(ii)Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii)Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan langkah-langkah/ inisiatif / cara melestarikan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat / di Malaysia	2
Petikan membincangkan langkah-langkah/ inisiatif / cara melestarikan permainan tradisional dan kepentingan permainan tradisional dalam kehidupan.	2
Rumusan membincangkan langkah-langkah/ inisiatif / cara melestarikan permainan tradisional dan kekangan-kekangan untuk memajukannya	2
Petikan membincangkan langkah-langkah/ inisiatif / cara melestarikan permainan tradisional	1
Petikan membincangkan usaha-usaha melestarikan permainan tradisional.	0

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- S1 kerajaan haruslah menyediakan lebih banyak tempat atau gelanggang permainan tradisional
- S2 menyediakan jurulatih di setiap gelanggang yang telah disediakan
- S3 masyarakat tempatan juga boleh mewujudkan tapak permainan tradisional di kawasan perumahan atau kampung mereka.
- S4 hotel tempatan dan pusat peranginan yang terkemuka di negara kita juga patut menyediakan ruang dan tapak serta alat permainan tradisional
- S5 Setiap negeri perlu menyetengahkan permainan tradisional dalam acara yang disusun
- S6 Festival layang-layang Sedunia Pasir gudang yang dianjurkan setiap tahun perlu diteruskan
- S7 Pihak sekolah menganjurkan Kelab Permainan Tradisional dalam aktiviti kokurikulum
- S8 Kementerian Pendidikan Malaysia turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kokurikulum
- S9 Penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat melalui media massa
- S10 Jabatan Warisan Negara atau kerajaan negeri perlulah lebih kerap menganjurkan festival, pertandingan dan kempen bagi menyetengahkan permainan tradisional

Isi tersirat [4 hingga 12 markah]

T1.	Remaja tidak berminat	2
T2	Kekurangan tapak/ gelanggang/ ruang	2
T3.	Masyarakat telalu sibuk	2
T4.	Tidak mendapat galakan ibu bapa	2
T5	Masyarakat menganggap permainan tradisional sudah ketinggalan zaman	2

Penutup

K1	Kesimpulannya, usaha melestarikan permainan tradisional hendaklah disemarakkan oleh semua pihak agar permainan ini dapat diwarisi kepada generasi akan datang	2
K2	Kesimpulannya, usaha melestarikan permainan tradisional hendaklah disemarakkan	1

(Kesimpulan lain yang sesuai diterima)

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup/Jawapan tepat mengikut konteks isi cukup dan ayat tidak gramatis.	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/releven dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/releven tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) : Petikan Umum**(i) *mengembalikan nostalgia.***

- Memberikan / mewujudkan kenangan / peristiwa 2 markah
- Mengembalikan kenangan 1 markah

**[Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]**

(ii) Kepentingan-kepentingan lain permainan tradisional dalam kehidupan

- Mengisi masa lapang
- Meningkatkan daya kreativiti
- Memupuk semangat berpasukan
- Melatih kekuatan mental dan fizikal

**[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) Peranan ibu bapa

- Menggalakkan anak-anak bermain permainan tradisional
- Ibu bapa membeli peralatan permainan tradisional
- Bermain permainan tradisional bersama-sama anak pada waktu lapang
- Membawa anak-anak ke festival permainan tradisional
- Menghantar anak menyertai pertandingan permainan tradisional

(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

**[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 2 (b)- Prosa Moden [Drama]

- (i) - tidak mahu membincangkan perkara itu
bercadang untuk ke kantin untuk bersarapan

[Isi cukup 2 – 2 markah]

- (ii) - menambah baik modul PLKN dengan pelbagai bentuk kemahiran dan aktiviti yang menarik
- prasarana yang lebih selesa
- elaun yang tinggi
- jangka masa program lebih singkat

[Isi cukup 2 – 3 markah]

(iii) Pengajaran dalam petikan.

- Kita hendaklah cinta akan negara dengan menjayakan program yang dirancang.
Contoh: Nora kesal dengan sikap Aiman yang tidak berminat dengan PLKN.

[2 markah]

Pengajaran dalam drama.

- Kita hendaklah menjadi warganegara yang bertanggungjawab
Contoh : Posmen dan Cikgu Dahari memberikan semangat kepada golongan remaja untuk mengikuti PLKN.
- Kita hendaklah tegas dalam mengambil tindakan.
Contoh: Khir Ghazali tegas mahukan anaknya Aiman mengikuti program PLKN

[2 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

- (i) ***mengadukan halnya*** bermaksud

Menceritakan/menyatakan/ Memberitahu/ mengadu/ memerihal	Tindakan/ perlakuan/ tingkah laku Tun Perak	2 markah
Menceritakan/menyatakan/ Memberitahu/ mengadu/ memerihal /	Tindakannya/ perlakuannya/ tingkah lakunya	1 markah
Menceritakan/menyatakan/ Memberitahu/ mengadu/ memerihal /	Halnya	1 markah

- (ii) Alasan-alasan yang diberikan oleh Tun Perak apabila Seri Amerta menyatakan seorang orang Kelang dianiaya oleh Tun Perak:-
- Seri Amerta tidak mengetahui tugas sebenar Tun Perak sebagai pemerintah sesebuah negeri walaupun negeri tersebut kecil.
- Seri Amerta hanya melaksanakan titah Yang diPertuan
- Yang Dipertuan hanya ingin mengetahui perkara yang baik-baik sahaja.

[Isi cukup 2 – 3 markah]

- (iii) *Ciri individu yang layak dijadikan pemimpin:-*
- Bijak dalam menyelesaikan masalah
 - Adil dalam mentadbir.
 - Berpengetahuan luas dalam pentadbiran
 - Tetap pendirian / Tegas
 - Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas
 - Amanah dalam tugas
 - Patuh pada ajaran agama

[Isi cukup 3 – 4 markah]

Soalan 2 (d) - Sajak

- (i) *Sikap anak-anak terhadap ibu*
- tidak menjenguk ibu mereka
 - tidak mengenang budi
 - mengambil sikap lepas tangan
 - tidak bertanggungjawab
 - Patuh pada ajaran agama

[Isi cukup 2 – 2 markah]

- (ii)
- Sering bertanya khabar / menghubungi
 - Membiayai perbelanjaan / keperluan harian
 - Menyediakan pembantu untuk ibu bapa / minta jiran melihat keadaan ibu bapa
 - Menghantar ibu bapa ke Mekah / melancong
 - Sering menziarahi / pulang hujung minggu

[Isi cukup 2 – 3 markah]

- (iii)
- Kesepian hidup sendirian pada usia tua kerana dipinggirkan oleh anak-anak.
 - Sikap anak-anak yang mengabaikan tanggungjawab untuk menjaga orang tua
 - Harapan ibu bapa terhadap anak-anak agar anak-anak sedar akan tanggungjawab dan insaf atas kesilapan yang pernah anak lakukan.

[Isi cukup 2 – 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagi kepada:

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Rangkai kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Rangkai kata digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua rangkai kata digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sabagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Maksud tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Kalau bina dua atau tiga ayat, maka lihat ayat pertama sahaja.
11. Jika salah ejaan rangkai kata yang diuji, berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a)

(i) akar tunjang

- akar pada pokok-pokok tertentu yang tumbuh lurus ke bawah ke dalam tanah (untuk menegapkan pokok dll)

(ii) gerak balas

- tindak balas organisma terhadap rangsangan seperti cahaya, air, sentuhan dll.

(iii) garam mineral

- unsur bukan organik yang ringkas, biasanya diperlukan dalam kuantiti yang sedikit untuk menjalankan metabolisme badan.

- (iv) isi padu
 - sukatan atau ukuran ruang yang dipenuhi oleh sesuatu jisim seperti pepejal, cecair atau gas dalam sesuatu bekas.
- (v) pusat graviti
 - titik tempat tumpuan daya tarikan yang menggerakkan jasad-jasad ke arah pusat sesuatu cakerawala seperti bulan atau bumi.
- (vi) bahan api
 - bahan yang digunakan untuk menghasilkan haba atau tenaga (kayu, arang batu, minyak dll)

Jawapan 3(b)**Ayat aktif kepada ayat pasif**

- (i) Usul itu telah kami syorkan kepada pihak berkuasa agar mengambil tindakan dengan segera.
- (ii) Sijil penghargaan akan dianugerahkan kepada semua pelajar cemerlang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (iii) Tempat kebakaran itu sedang diawasi oleh beberapa orang anggota keselamatan secara bergilir-gilir.

Jawapan 3(c)**Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- | | | | | | |
|-------|---------|---|-------------|---|------------|
| (i) | Ejaan | : | 1 Malaysia | – | 1Malaysia |
| | Imbuhan | : | Pertubuhan | – | Penubuhan |
| (ii) | Ejaan | : | pelancung | – | pelancong |
| | Imbuhan | : | kunjungi | – | berkunjung |
| (iii) | Ejaan | : | ibu-bapa | – | ibu bapa |
| | Imbuhan | : | pembentukan | – | membentuk |

Jawapan 3(d)**Kesalahan istilah atau kata dan tatabahasa**

- | | | | | | |
|-------|--------------|---|---------------------|---|-------------------|
| (i) | Kata/istilah | : | memuat naik | – | memuat turun |
| | Tatabahasa | : | digunakan oleh kami | – | kami gunakan |
| (ii) | Kata/istilah | : | penghapusan | – | pelupusan |
| | Tatabahasa | : | menerangkan tentang | – | menerangkan |
| (iii) | Kata/istilah | : | resipi | – | menu |
| | Tatabahasa | : | Kamariah Restoran | – | Restoran Kamariah |

Jawapan 3(e) Peribahasa

- (i) Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (ii) Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya/
Usaha tangga kejayaan
- (iii) Sediakan payung sebelum hujan

Soalan 4 : Novel**Soalan 4 (a)****(i) Novel Bimasakti Menari**

Peristiwa 1- Sikap Tan Sri Muhaimin dan Pn Maryam Wickham Abdullah yang mementingkan kerjaya masing-masing dan keras hati menyebabkan mereka terpisah dengan anak tunggal mereka Muhamad Taufik merindui kasih sayang mereka.

Sebab - Ibu bapa perlu menjaga rumah tangga dan anak agar tidak terabai.

Peristiwa 2 – Dato Johan Arlington Majid berdendam dengan Tan Sri Muhaimin yang berjaya memiliki Maryam Wickham. Selain itu, dia akan kehilangan tender pemasangan lampu di Kuala Selangor

Sebab – Seseorang itu tidak boleh membiarkan perasaan dendamnya membelenggu kehidupannya. Kita mestilah reda dengan ketentuan Ilahi/ dengan mengambil sikap berlapang dada

[2 markah untuk pernyataan dan peristiwa lengkap]

(ii) Novel Pantai Kasih

Peristiwa 1 – Doktor Raiha prihatin dengan nasib Unong Siron. Baginya kali ke-6 tidak sepatutnya berlaku. Apatah lagi pembedahan tersebut dilakukan oleh doktor pakar.

Sebab – Kita janganlah mementingkan keuntungan atas kesusahan orang lain.

Peristiwa 2 – Dr Sadiz bertindak membakar kereta mewah kerana marah akan isterinya yang menghalang niatnya untuk menghantar Rahayu ke asrama

Sebab –Kita hendaklah berfikir secara rasional dalam melakukan sesuatu tindakan. Selain itu, kita hendaklah mampu mengawal marah yang akan merugikan diri sendiri

[2 markah untuk pernyataan dan peristiwa lengkap]

[3 markah bahasa]

Soalan 4 (b)

Peristiwa yang boleh dikaitkan dengan kerjasama watak utama dan watak sampingan

Novel Bimasakti Menari

- (i) *Kerjasama antara Nurul Hafsa dengan Mohamad Taufik* [1
markah]

Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik bekerjasama untuk menyediakan laporan tentang kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor untuk dibentangkan di hadapan Menteri Besar Selangor. Mereka mengambil masa selama seminggu untuk mengemas kini dan memantapkan bahan pembentangan mereka. [2 markah]

atau ;

Selain itu, kerjasama antara Nurul Hafsa dengan ayahnya Hj Basir yang menghantar anaknya itu ke jeti menyusuri Sungai Kuantan/ Sungai Rahsia bagi menjejaki kelip-kelip [2 markah]

Novel Pantai Kasih

- (i) *Kerjasama antara Dr Raiha dengan Dr Alex Ng* [1 markah]

Dr Raiha bekerjasama dengan Dr Alex Ng untuk menjalankan pembedahan penggantian sendi tulang pada pergelangan tangan dan lutut Dr Uwang kerana terlibat dalam kemalangan [2 markah]

- (ii) *Kerjasama antara Dr Raiha dengan ibu Unong Siron* [1 markah]

Mereka berjaya menghalang seorang pemuda yang menyeludup masuk ke bilik bedah Pusat Rawatan Pantai Kasih dan seterusnya membawa pemuda tersebut keluar dari PRPK [2 markah]

[#2 markah bahasa]

mana-mana jawapan yang sesuai diterima